


# Polisi Penyalahgunaan Bahan Terlarang KLCCH



Syarikat KLCC (Holdings) Sdn Bhd (selepas ini dirujuk sebagai KLCCH) akan berusaha untuk menyediakan tempat kerja yang bebas daripada Penyalahgunaan Bahan Terlarang yang boleh menjejaskan tahap prestasi kerja dan keselamatan kakitangan serta mengancam Kesihatan, Keselamatan Pekerjaan dan Alam Sekitar.

Menurut polisi ini, Bahan Terlarang adalah termasuk dadah yang diharamkan minuman beralkohol yang mengandungi etanol, ubat psikoaktif berjadual yang diperolehi atau diambil tanpa preskripsi yang sah dan ubat psikoaktif yang diperolehi secara sah tetapi diambil melampaui saranan terapeutik atau penggunaan yang ditetapkan.

Adalah menjadi polisi KLCCH untuk melarang sama sekali sebarang penggunaan, pemilikan, pengedaran atau pembelian Bahan Terlarang yang tidak dibenarkan atau berada di bawah pengaruh Bahan Terlarang sama ada di dalam premis, atau ketika bertugas/ menjalankan urusan bagi pihak KLCCH. KLCCH akan menggalakkan kesedaran tentang bahaya penyalahgunaan Bahan Terlarang.

KLCCH berhak melakukan ujian dan carian Bahan Terlarang pada mana-mana kakitangan, kontraktor dan sub-kontraktor dan kakitangan mereka, serta pihak ketiga yang berada di dalam premis Syarikat. Kakitangan KLCCH yang melanggar mana-mana peruntukan dalam polisi ini boleh dikenakan tindakan disiplin, termasuk kemungkinan diberhentikan kerja.

Kontraktor dan sub-kontraktor KLCCH serta kakitangan mereka, dan juga pihak ketiga yang melanggar peruntukan polisi ini dihalang bekerja atau melawat premis KLCCH untuk tempoh masa yang akan ditetapkan menurut budi bicara penuh pihak Syarikat.

KLCCH mewajibkan semua kakitangan, kontraktor dan sub-kontraktor serta kakitangan mereka, termasuk pihak ketiga yang berada di dalam premis Syarikat mematuhi polisi ini pada setiap masa.

**Md Shah Mahmood**

Group Chief Executive Officer  
KLCC (Holdings) Sdn Bhd  
1 December 2021